

CLOBETASOL CREAM

Clobetasol Propionate (0.05% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Clobetasol Cream
2. Bagaimana Clobetasol Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Clobetasol Cream
4. Cara menggunakan Clobetasol Cream
5. Semasa menggunakan Clobetasol Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Clobetasol Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Clobetasol Cream

Rawatan keadaan kulit yang susah dirawat, seperti psoriasis (keadaan autoimun yang menyebabkan pertumbuhan sel-sel kulit yang terlalu cepat), ekzema, *lichen planus*, *discoid lupus erythematosus* dan keadaan lain yang bertindak balas tidak memuaskan kepada steroid yang kurang aktif.

Bagaimana Clobetasol Cream berfungsi

Kortikosteroid memberi kesan anti-keradangan untuk penggunaan topikal.

Sebelum menggunakan Clobetasol Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Clobetasol Cream jika:

- Anda mempunyai muka kemerah-merahan.
- Anda mempunyai jerawat dan benjolan sekeliling mulut.
- Keradangan kulit pada kanak-kanak di bawah 1 tahun, termasuk ruam lampin.
- Luka-luka kulit yang disebabkan oleh jangkitan virus (seperti herpes simpleks, cacar air), kulat (seperti jangkitan kandidiasis, tinea) atau bakteria (seperti impetigo (jangkitan kulit yang selalunya berlaku pada bayi dan kanak-kanak)).
- Hipersensitiviti terhadap Clobetasol atau kandungan lain dalam penyediaan ubat.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan gunakan Clobetasol Cream jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan gunakan Clobetasol Cream jika anda sedang menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan Clobetasol Cream

- Terapi berterusan untuk jangka panjang dengan penyediaan kortikosteroid perlu dielakkan, terutamanya pada bayi dan kanak-kanak, di mana penekanan adrenal mudah berlaku.
- Jika penyediaan kortikosteroid perlu digunakan pada kanak-kanak, ia disyorkan bahawa rawatan perlu dipantau setiap minggu.
- Jika digunakan pada kelopak mata, penjagaan diperlukan untuk memastikan bahawa penyediaan tidak memasuki mata, kerana peningkatan tekanan mata boleh berlaku.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Clobetasol Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sapukan sekali atau dua kali sehari sehingga bertambah baik atau seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sebagaimana dengan penyediaan steroid topikal yang sangat aktif yang lain, terapi harus dihentikan apabila kawalan tercapai. Dalam keadaan yang lebih responsif, penggunaan mungkin mengambil masa beberapa hari. Jika rawatan yang lebih panjang diperlukan, ia disyorkan bahawa rawatan tidak patut diteruskan lebih daripada 4 minggu tanpa pemantauan.

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Sapukan krim sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Bagi penggunaan kortikosteroid topikal, masalah dos yang berlebihan besar kemungkinan tidak akan dihadapi. Penyediaan krim perlu dihentikan secara perlahan-lahan. Dapatkan nasihat doktor dengan segera jika sebarang reaksi serius luar biasa berlaku.

Semasa menggunakan Clobetasol Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Clobetasol Cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Clobetasol Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Mana-mana jangkitan yang merebak perlu berhenti menggunakan Clobetasol Cream dan anda perlu mendapatkan nasihat doktor.

Berhenti secara perlahan-lahan terhadap penyediaan ubat mungkin diperlukan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Clobetasol Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Rawatan yang berpanjangan dan intensif dengan penyediaan kortikosteroid yang sangat aktif boleh menyebabkan perubahan kulit, contohnya tanda regangan, penipisan kulit dan

CLOBETASOL CREAM

Clobetasol Propionate (0.05% w/w)

melebarkan saluran darah permukaan kulit, terutamanya apabila balutan luaran digunakan, atau di mana lipatan kulit yang terlibat. Seperti contoh yang jarang, rawatan psoriasis dengan kortikosteroid boleh menyebabkan nanah. Penggunaan pembalut luaran meningkatkan penyerapan kortikosteroid topikal. Pada bayi, lampin boleh bertindak sebagai pembalut bahagian luaran.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan CLOBETASOL CREAM

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

Pastikan bekas ditutup rapat.

Simpan di tempat yang kering di bawah 30° C.

Lindungi daripada cahaya.

Untuk kegunaan luar sahaja.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih dengan wangian semula jadi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Clobetasol Propionate

- Bahan tidak aktif

White Soft Paraffin, Liquid Paraffin,

Deionised Water, Chlorocresol,

Glycerin, Cetomacrogol

Emulsifying Wax

- Nombor MAL

MAL19961875AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,

Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600

Perai, Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

27/07/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)190718/00201